

Kotaborasi Kuin-Universiti Iskandariah

ALOR SETAR - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menjalin kerjasama dengan Universiti Iskandariah di Mesir dalam program pengajian perubatan selepas dua cadangan kerjasama dengan Universiti Mahsa dan Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) tidak menjadi kenyataan sebelum ini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kerjasama itu tidak menjurus kepada usaha menswastakan Kuliyyah Perubatan dan Sains Kesihatan.

"Kuliyyah Perubatan Kuin masih berjalan seperti biasa dengan hampir 50 pelajar. Kita memeterai persefahaman dengan Universiti Iskandariah kerana ia antara yang tersohor dalam bidang perubatan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Keempat Penggal Persidangan Pertama Dun Kedah ke-13, di Wisma Darul Aman, semalam.

Menurutnya, perancangan sebelum ini tidak dimuktamadkan kerana setelah membuat penilaian mendapati kerajaan negeri memiliki

kemampuan untuk mengambil alih pengurusan.

Perkara itu dibangkitkan Md Zuki Yusof (Pas-Kuala Ketil) ketika perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Tambahan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2014 yang mempersoalkan jumlah pelajar perubatan yang sedikit.

Beliau ingin mendapat penjelasan sama ada kemasukan pelajar baharu terjejas berikutan kemelut Kuin sejak beberapa tahun lalu.

Bagaimanapun, Mukhriz berkata,

ia tiada kaitan kerana Kementerian Pendidikan mengehadkan kuota pengambilan 50 pelajar.

Mengulas mengenai kehadiran tiga pegawai perkhidmatan pegawai tadbir negeri Kedah (KCS) dalam organisasi Kuin, Mukhriz berkata, pihaknya meletakkan wakil kerajaan negeri yang layak untuk memantau dan melancarkan pengurusan serta kewangan Kuin.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan gaji yang diterima Rektor Kuin apabila Ketua

Pembangkang Dun Kedah, Datuk Ir Amiruddin Hamzah mendakwa jumlahnya mencecah RM45,000 sebulan.

"Ia perkara sulit, namun gaji yang diterima (Rektor) lebih rendah termasuk elaun tertentu. Rektor harus dipilih untuk selesaikan masalah, bukan tambahkan lagi masalah," katanya.

Sebelum itu, Amiruddin membangkitkan perkara itu kerana didakwa meningkatkan kos perbelanjaan mengurus Kuin.